



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 5/ 2024 (MEI 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	<b>Jujur Sifat Mulia</b>	3 Mei 2024M/ 24 Syawal 1445H
2.	<b>Hormati Guru, Sayangi Guru</b>	10 Mei 2024M/ 1 Zulkaedah 1445H
3.	<b>Belia Malaysia, Yakin Boleh</b> Khutbah Khas Hari Belia	17 Mei 2024M/ 8 Zulkaedah 1445H
4.	<b>Air Mata Ibu Ayah: Gembira Atau Duka</b>	24 Mei 2024M/ 15 Zulkaedah 1445H
5.	<b>Hilangnya Warak, Lenyaplah Berkah</b>	31 Mei 2024M/ 22 Zulkaedah 1445H
6.	<b>Khutbah Kedua</b>	

دبىباىاءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىبىتكىن:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاو فينغ



***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Belia Malaysia, Yakin Boleh

(Khutbah Khas Hari Belia)

17 Mei 2024M/ 8 Zulkaedah 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ عِزَّةَ الْأُمَّةِ فِي شَبَابِهَا، وَجَعَلَهُمْ مِنْ أَسْبَابِ الْقُوَّةِ وَالنَّصْرِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْأَحَدُ الْفَرْدُ الصَّمَدُ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعَمٍ كَثِيرَةٍ،  
وَنَسْأَلُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَنْ يُبَارِكَ لَنَا فِي أَمْوَالِنَا وَأَبْنَائِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا.  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ الَّذِي بَارَكَ بِالشَّبَابِ وَأَثَى عَلَيْهِمْ وَنَصَحَهُمْ  
وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى مَا فِيهِ خَيْرُهُمْ فِي الدَّارَيْنِ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى يَوْمِ  
الْحِسَابِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah.

Khatib juga ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang lagha seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan,



mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq daripada Allah  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Sempena sambutan Hari Belia Negara Tahun 2024, khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **“Belia Malaysia, Yakin Boleh.”**

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Al-Quran telah merakamkan kisah bagaimana tingginya keyakinan satu golongan kecil daripada kaum muda yang beriman kepada Nabi Musa عَلَيْهِ السَّلَامُ walaupun diancam oleh pemerintah yang zalim. Keyakinan ini menunjukkan tingginya iman dan kepercayaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang diarahkan melalui utusan Nabi Musa عَلَيْهِ السَّلَامُ. Allah berfirman dalam Surah Yunus ayat 83:

فَمَا ءَامَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ

فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya: *“Maka tidaklah ada yang beriman kepada Musa melainkan sebilangan kecil dari keturunan kaumnya, itupun dengan keadaan takut disiksa oleh Firaun dan ketua-ketua kaum mereka kerana sesungguhnya Firaun itu bermaharajalela di muka bumi dan dia sebenar dalam kalangan orang yang melampauai batas.”*

Al-Quran juga turut merakamkan kisah keyakinan dan keimanan beberapa anak muda yang dikenali sebagai Ashabul Kahfi di dalam surah al-Kahfi ayat 13:



تَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ نَبَاهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebenarnya; sesungguhnya mereka itu ialah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka, dan kami tambahkan kepada mereka hidayah petunjuk.”

## SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Malaysia pada hari ini, menghimpunkan golongan belia yang berusia antara 15 hingga 30 tahun dengan anggaran lebih daripada 9,600,000 (sembilan juta enam ratus ribu) yang mewakili 29% daripada populasi di Malaysia. Tidak dapat dinafikan, belia merupakan aset utama sebuah negara. Mereka adalah bakal mewarisi masa depan yang akan meneraju serta membawa harapan untuk mengagungkan syiar Islam sejajar dengan kemajuan dan kecemerlangan negara.

Tarikh 15 Mei setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Belia Negara yang mengiktiraf golongan belia atas sumbangan dan peranan mereka dalam pembangunan negara. Dengan tema “**Yakin Boleh**”, Hari Belia Negara tahun 2024 terus memperkasakan peranan belia dalam semua bidang bagi membentuk visi serta masa depan negara.

Yakin boleh membawa maksud keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan. Kerajaan juga menaruh keyakinan dan harapan yang tinggi kepada golongan belia sama ada dari sudut kepimpinan, korporat, kesukarelawan dan sebagainya.



Sejarah tamadun Islam juga membuktikan bahawa keyakinan dan keimanan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan Rasul-Nya terpahat dalam kalangan anak muda seperti Saiyyidina Umar bin Al-Khatab, Ali bin Abi Talib, Jaafar bin Abi Talib, Qudamah bin Maz'un dan Abdullah bin Mas'ud. Mereka bukan sahaja di antara sahabat-sahabat Nabi **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** yang mula-mula beriman, malah turut diberi kepercayaan sebagai barisan hadapan dalam menjulang panji-panji Islam.

Ramai lagi dalam kalangan pemuda yang menyumbang pada kegemilangan Islam seperti Abdurrahman bin 'Auf, Usamah bin Zaid dan lain-lain lagi. Ketokohan para sahabat dalam usia belia dengan berkeyakinan dan berpegang teguh pada keimanan telah membawa kepada kegemilangan Islam. Inilah pengajaran dan tokoh anak muda yang wajib dicontohi oleh belia masa kini. Iman yang teguh dengan prinsip Islam menjadi teras utama dalam pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Belia merupakan aset berharga kepada sesebuah negara di mana ia boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi.

Antara asas pembangunan modal insan adalah ilmu dan akhlak. Generasi muda harus tekun menuntut dan mendalami ilmu serta kemahiran daripada pelbagai bidang. Generasi muda juga perlu memahami tanggungjawab mereka dalam memelihara nilai-nilai agama,



moral, dan etika serta amanah dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan.

Melalui surah al-Qasas ayat 26, Allah menukilkan kisah bagaimana ciri-ciri seseorang modal insan yang perlu untuk diangkat sama ada sebagai pemimpin mahupun pekerja, firman-Nya:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Salah seorang daripada kedua-dua orang perempuan itu berkata, wahai ayahku, jadikanlah dia sebagai pekerja (kita), sesungguhnya orang yang paling baik yang ayah ambil sebagai pekerja ialah orang yang kuat lagi amanah!”

Kuat yang dimaksudkan di dalam ayat ini adalah sinonim dengan istilah kompeten. Ia membawa maksud kuat dari segi fizikal, mental, ilmu serta segala kemahiran yang diperlukan. Manakala amanah pula membawa maksud integriti. Kedua-dua ciri ini wajib diterapkan ke dalam jiwa setiap individu belia Malaysia.

Belia sebagai aset negara kini dan masa hadapan perlu disantuni dan digilap sebagai pewaris kepada pembangunan negara. Di Kementerian Belia Dan Sukan, pengukuhan pembangunan belia positif adalah satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif dan bersesuaian dengan potensi di mana belia berada. Mereka hendaklah maju dan seimbang dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan.

Setiap anak muda ada potensi yang pasti boleh diserlahkan untuk kebaikan ummah dan negara. Sebagai masyarakat yang bersatu padu,



marilah kita bersama-sama mendokong, membimbing dan memberikan peluang kepada generasi muda untuk berkembang dan berjaya. Kita sebagai masyarakat perlu membina persekitaran yang kondusif bagi perkembangan mereka, memberi peluang untuk bersuara, serta memberikan sokongan moral dan mental.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai kesimpulan marilah kita mengambil beberapa intipati daripada khutbah hari ini seperti berikut:

**Pertama:** Tamadun Islam membuktikan bagaimana anak muda mempunyai keyakinan dan keimanan yang tinggi dalam mematuhi segala perintah Allah melalui perutusan para rasul.

**Kedua:** Pengiktirafan khusus kepada belia di Malaysia diangkat melalui Hari Belia Negara pada tarikh 15 Mei setiap tahun. “Yakin Boleh” membuktikan keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan.

**Ketiga:** Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Mereka perlu memahami bahawa kejayaan sejati bukan hanya dilihat daripada segi kekayaan material, tetapi juga daripada segi kebahagiaan, keamanan, dan keharmonian dalam masyarakat.

Ingatlah pesanan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Lukman ayat 17:





يَبُنِّي أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ

ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat yang makruf dan cegahlah (mereka) daripada yang mungkar dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu! Sesungguhnya perkara itu merupakan urusan yang perlu diambil berat dengan penuh keazaman.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan Mei

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعَظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اذْكُرُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٥﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٦﴾

